

No. Rujuk: MiMAS-01(26)

Tarikh : 04-02-2026

Guru Besar
Sekolah Rendah/Sekolah Menengah

Tuan / Puan,

PENDAFTARAN PENYERTAAN PERTANDINGAN MiMAS 2026

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas,

Pihak kami dengan sukacitanya ingin menjemput sekolah tuan/puan untuk mencalonkan pelajar-pelajar cemerlang bagi menyertai 2026 MiMAS yang dianjurkan oleh Big Tree Academy (M) Sdn. Bhd.

2. Pertandingan ini bertujuan untuk membangunkan serta meningkatkan **kemahiran berfikir matematik, kebolehan logik, tumpuan, dan kemahiran pembelajaran secara keseluruhan** dalam kalangan pelajar, serta menyediakan platform untuk pelajar mempamerkan pencapaian mereka, berinteraksi dan berkongsi pengalaman. Sepanjang penganjurannya, MiMAS telah menerima sokongan serta penyertaan yang menggalakkan daripada pihak sekolah, ibu bapa dan pelajar di seluruh negara.

3. 2026 MiMAS merangkumi empat (4) kategori pertandingan seperti berikut:

- i. [Aritmetik] Mathematical Arithmetic Olympiad – MAO
- ii. [Matematik] Malaysia Mathematics Invitational – MMI
- iii. [Memori] Malaysia Memory Tournament – MMT
- iv. [Abacus] Online Mental Maths Competition - OMMC

Pertandingan ini mempunyai pelbagai kategori dan dibahagikan mengikut **peringkat tahap dan tahun persekolahan pelajar**. Butiran lengkap mengenai kandungan, peringkat dan format pertandingan bagi setiap kategori telah disenaraikan dalam **“Lampiran Penerangan Pertandingan”** yang dilampirkan bersama surat ini, untuk rujukan pihak tuan/puan.

4. Pelajar yang memperoleh anugerah Emas dalam mana-mana kategori di atas akan dijemput oleh pihak penganjur untuk menyertai pertandingan antarabangsa Shenmo Cup yang diadakan pada Julai 2026, berdasarkan kategori pertandingan yang sama. Pertandingan ini akan menghimpunkan peserta dari pelbagai negara dan wilayah serta memberi peluang kepada pelajar untuk memperluaskan pengalaman antarabangsa dan pertukaran akademik.

5. Pihak kami dengan rendah hati memohon kerjasama pihak tuan/puan untuk:

- (a) Menyebarkan **poster pertandingan dan maklumat berkaitan** melalui laman sesawang atau platform rasmi sekolah bagi memudahkan pelajar dan ibu bapa memperoleh maklumat.
- (b) Melantik seorang guru **sebagai pegawai penghubung dan penyelia** bagi pertandingan ini, bagi membantu urusan pengawasan pada hari pertandingan, penyelarasan tatatertib, serta komunikasi dengan pihak penganjur. Pihak penganjur akan menyampaikan sijil penghargaan kepada pihak sekolah dan guru yang terlibat.



53B, Jalan Bayu Tinggi 7, Taman Bayu Tinggi, 41200 Klang, Selangor D.E. Malaysia.

Tel: (03) 3325 9591 <https://mimas.my> Email: reg2mimas@gmail.com

Lampiran :

1. Borang Penyertaan Pertandingan Sekolah
2. Borang Pendaftaran MiMAS (Boleh fotostat sendiri)
3. Poster pertandingan MiMAS (Untuk dipaparkan di papan notis)
4. Lampiran Penerangan Pertandingan

Lampiran Penerangan Pertandingan

Pertandingan MiMAS merangkumi empat (4) kategori pertandingan. Setiap kategori dibahagikan mengikut tahap dan tahun persekolahan pelajar dan dilaksanakan melalui peperiksaan bertulis di sekolah serta pertandingan dalam talian. Penerangan ringkas bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

1. Kategori Aritmetik – Mathematical Arithmetic Olympiad (MAO)

Tarikh: 20 Apr – 24 Apr 2026 (Sekolah boleh memilih satu hari dalam tempoh tersebut.)

Masa: 30 minit

Tahap: Sekolah Rendah - Tahun 1 hingga Tahun 6 (6 tahap)

Sekolah Menengah- Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 (1 tahap)

Format: Peserta akan menjawab peperiksaan secara **bertulis di sekolah**.

Kertas soalan dibahagikan kepada **tiga bahagian**, iaitu **Bahagian A, B dan C**.

Tempoh menjawab bagi **setiap bahagian adalah 5 minit**.

Pertandingan berkumpulan:

Sekiranya bilangan peserta yang mendaftar dalam sesuatu kategori mencapai **10 orang atau lebih**, sekolah tersebut akan **secara automatik menyertai pertandingan berkumpulan**.

Setiap pasukan akan dinilai berdasarkan **jumlah markah 10 orang peserta terbaik**.

Sekolah yang memperoleh **jumlah markah tertinggi** akan diumumkan sebagai **Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga**, serta akan dianugerahkan **piala dan sijil**.

2. Kategori Matematik – Malaysia Mathematics Invitational (MMI)

Tarikh: 20 Apr – 24 Apr 2026 (Sekolah boleh memilih satu hari dalam tempoh tersebut.)

Masa: 60 minit

Tahap: Sekolah Rendah - Tahun 1 hingga Tahun 6 (sebanyak 6 tahap)

Sekolah Menengah- Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 (sebanyak 3 tahap)

Sekolah Menengah- Tingkatan 4 hingga Tingkatan 6 (sebanyak 1 tahap)

Format: Peserta akan menjawab peperiksaan secara **bertulis di sekolah**.

(i) Penaakulan – Soalan objektif : 20 soalan

(ii) Keupayaan mengalikasi – Soalan subjektif: 10 soalan

Pertandingan berkumpulan:

Sekiranya bilangan peserta yang mendaftar dalam sesuatu kategori mencapai **10 orang atau lebih**, sekolah tersebut akan **secara automatik menyertai pertandingan berkumpulan**.

Setiap pasukan akan dinilai berdasarkan **jumlah markah 10 orang peserta terbaik**.

Sekolah yang memperoleh **jumlah markah tertinggi** akan diumumkan sebagai **Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga**, serta akan dianugerahkan **piala dan sijil**.

3. Kategori Memori - Malaysia Memory Tournament (MMT)

Tarikh: 20 Apr – 26 Apr 2026 (Pihak penganjur akan memaklumkan kepada para peserta secara berasingan)

Masa: 30 minit

Tahap: Sekolah Rendah - Tahun 1 hingga Tahun 3, Tahap Rendah

Sekolah Rendah - Tahun 4 hingga Tahun 6, Tahap Pertengahan

Sekolah Menengah- Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6, Tahap Tinggi

Kaedah: (i) Peserta menjawab peperiksaan secara dalam talian dari rumah masing-masing

- (ii) Sekiranya pihak sekolah dapat menyediakan akses ke makmal komputer untuk pelaksanaan pertandingan, pihak sekolah boleh menghubungi pihak penganjur bagi membuat pengaturan lanjut.
(Butiran log masuk dan tatacara pelaksanaan pertandingan dalam talian akan dimaklumkan sebelum pertandingan berlangsung.)

3. Kategori Abacus – Online Mental Maths Competition (OMMC)

Tarikh: 20 Apr – 26 Apr 2026 (Pihak penganjur akan memaklumkan kepada para peserta secara berasingan)

Masa: 30 minit

Tahap: Sekolah Rendah - Tahun 1 hingga Tahun 6 (sebanyak 6 tahap)
Sekolah Menengah- Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6 (sebanyak 1 tahap)

Format: Peserta akan menjawab peperiksaan secara dalam talian.
Kertas soalan dibahagikan kepada **tiga bahagian**, iaitu **Bahagian A, B dan C**.
Tempoh menjawab bagi **setiap bahagian adalah 5 minit**.

Cara: (i) Peserta menjawab peperiksaan secara dalam talian dari rumah masing-masing
(ii) Sekiranya pihak sekolah dapat menyediakan akses ke makmal komputer untuk pelaksanaan pertandingan, pihak sekolah boleh menghubungi pihak penganjur bagi membuat pengaturan lanjut.
(Butiran log masuk dan tatacara pelaksanaan pertandingan dalam talian akan dimaklumkan sebelum pertandingan berlangsung.)

Nota:

**Maklumat Bahan Pembelajaran Pra-Pertandingan MiMAS dan Yuran*

Pelajar yang membuat pembelian Bahan Pembelajaran Pra-Pertandingan MiMAS akan layak untuk menyertai pertandingan MiMAS. Pihak penganjur akan menyediakan bahan pembelajaran yang bersesuaian berdasarkan kategori, tahap dan kandungan sukatan pelajaran bagi setiap pertandingan.

Yuran bahan pembelajaran bagi setiap kategori adalah seperti berikut:

1. **【Kategori Aritmetik - MAO】** : RM 60
2. **【Kategori Matematik - MMI】** : RM 72
3. **【Kategori Memori - MMT】** : RM 47
4. **【Kategori Abacus - OMMC】** : RM 60

*(Bagi setiap pelajar yang membuat pembelian, pihak penganjur akan memberikan sumbangan kepada pihak sekolah sebanyak **RM3 bagi setiap pelajar bagi setiap kategori**, untuk kegunaan aktiviti matematik sekolah, kos penghantaran dan tujuan berkaitan.)*

**** Masa dan jadual khusus bagi pertandingan dalam talian akan disahkan dan diumumkan oleh pihak penganjur dari semasa ke semasa.**

***** Pihak penganjur berhak membuat keputusan muktamad sekiranya terdapat sebarang perkara yang tidak dinyatakan dalam dokumen ini.**